

## Pokok endemik kekalkan kehijauan Cameron

**CAMERON HIGHLANDS** – Sekumpulan 33 murid sekolah mendaki setinggi 400 meter semata-mata untuk menanam anak pokok endemik bagi mengekalkan kehijauan di Pusat Bio Diversity Gunung Berinchang di sini semalam.

Seorang peserta, Muhammad Hayyan Abdul Hadi, 12, berkata, dia telah mengikuti program penanaman semula anak pokok sejak tahun lalu.

"Saya suka akan program yang

dibuat oleh pihak Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highland (Reach) bagi menyemai semangat cintakan alam sekitar kepada diri bagi mengekalkan kehijauan dan suhu sejuk di Gunung Berinchang ini," katanya.

Seorang lagi murid, Nur Ain Syuhada Tan, 12, berkata, program yang dijalankan secara amat bermakna baginya kerana dia dapat mengenali pelbagai jenis anak pokok seperti geruk, itik dan sebagainya.

"Sekiranya usaha penanaman semula ini tidak dilakukan, saya bimbang suhu di Cameron Highlands ini semakin panas dan menyebabkan pelancong tidak lagi berminat untuk datang ke tempat kami," katanya.

Guru Sekolah Kebangsaan Berinchang, Jean Chan Chin Chan berkata, pihak sekolah telah menjalinkan hubungan kolaborasi dengan NGO Reach dalam program penanaman semula pokok di kawasan seluas 10 hektar itu.



**SEBAHAGIAN** murid sekolah menanam pokok endemik di Pusat Bio Diversity Gunung Berinchang di Cameron Highlands semalam.